



NAMA: .....

KELAS: .....

**MODUL PINTAS PERCUBAAN SPM 2023****PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN 5****Kertas 2****3756/2** **$2\frac{1}{2}$  jam****JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** saoalan di **Bahagian B**.*
3. *Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.*
4. *Alat tulis perakaunan seperti Jurnal, Lejar dan Buku Tunai boleh digunakan jika perlu.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Tunjukkan kerja mengira. Ini mungkin membantu anda mendapat markah.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

SOALAN	MARKAH PENUH	MARKAH DIPEROLEH
<b>BAHAGIAN A</b>		
1	10	
2	25	
3	25	
<b>JUMLAH</b>	<b>60</b>	
<b>BAHAGIAN B</b>		
4	20	
5	20	
6	20	
<b>JUMLAH</b>	<b>40</b>	
<b>JUMLAH KESELURUHAN MARKAH</b>		

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A dan Bahagian B. Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.

**Bahagian A**  
[60 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 (a) Tentukan sama ada pernyataan berikut betul atau salah:
- (i) Koperasi SMK Jaya Berhad mengagihkan keuntungan dalam bentuk dividen kepada anggotanya.
  - (ii) Kedai Gunting Rambut Shasha menanggung liabiliti tidak terhad.
- [2 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan syarat diskaun tunai dalam satu invois.

Diskaun tunai:

10% 10 hari
3% 30 hari

Puan Huda telah menerima invois berjumlah RM5 200 pada 10 Jun 2023. Beliau telah menjelaskan invois itu pada 3 Julai 2023.

Hitung jumlah hutang yang perlu dijelaskan oleh Puan Huda.

[2 markah]

- (c) Kenal pasti akaun yang perlu didebitkan dan akaun yang perlu dikreditkan dalam urus niaga berikut.

Pemilik perniagaan telah menggunakan tunai peribadi berjumlah RM10 000 untuk memperbesarkan ruang kedainya.

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut diperoleh daripada rekod kewangan Butik RasaLawa.

	RM
Baki debit Buku Tunai pada 31 Julai 2023	26 500
Deposit belum dikreditkan	5 400
Cek belum dikemukakan	2 700
Caj bank	30

Hitung baki penyata bank pada 31 Julai 2023.

[2 markah]

- (e) Jika perniagaan perkongsian tidak membuat Ikatan Perkongsian dan berlaku sebarang perselisihan antara pekongsi maka perkara tersebut akan diselesaikan menurut Akta Perkongsian 1961.

Nyatakan dua peruntukan yang terkandung dalam akta berkenaan.

[2 markah]

**SULIT**

- 2 Kelab Sukan Kota SAS mula beroperasi di Kuantan, Pahang pada 1 Januari 2020. Berikut merupakan baki-baki aset dan liabiliti bagi tahun berakhir 31 Disember 2022:

	<u>1 Januari 2022</u>	<u>31 Disember 2022</u>
	RM	RM
Tunai di bank	26 870	Perlu dikira
Premis kelab	560 400	560 400
Alatan sukan	18 600	22 810
Inventori Kedai Jersi	12 570	21 620
Inventori alat tulis	220	130
Yuran belum terima	2 880	540
Yuran belum terperoleh	1 440	Perlu dikira
Akaun Belum Bayar Kedai Jersi	32 650	44 510
Upah pekerja Kedai Jersi belum bayar	1 750	-

Berikut adalah ringkasan Akaun penerimaan dan pembayaran sepanjang tempoh perakaunan.

**Akaun penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022**

	RM			RM
Yuran ahli 2021	2 160	Akaun Jersi	Belum Bayar Kedai	18 640
Yuran ahli 2022	26 280	Hadiah pertandingan tenis		1 360
Yuran ahli 2023	900	Upah pekerja Kedai Jersi		26 250
Jualan jersi	197 620	Alatan sukan		7 960
Yuran pertandingan tenis	3 750	Pembaikan Alatan sukan		4 120
Yuran masuk	1 250	Kadar bayaran		10 200
Derma	27 500	Alat tulis		390

Maklumat tambahan:

- Yuran tahun lepas yang masih belum diterima dihapuskan sebagai yuran lapuk.
- Yuran masuk akan digunakan untuk perbelanjaan pengurusan kelab manakala Derma akan digunakan untuk membina gelanggang tenis.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- |  |            |
|--|------------|
| (a) Akaun Yuran ahli   | [5 markah] |
| (b) Akaun Perdagangan Kedai Jersi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022     | [4 markah] |
| (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 | [8 markah] |
| (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022                       | [8 markah] |

**SULIT**

- 3 Nurseri Haqeem telah beroperasi di Alor Akar, Kuantan. Berikut merupakan Imbangan Duga pada 31 Julai 2023.

	Debit RM	Kredit RM
Inventori 1 Ogos 2022	6 000	
Belian dan Jualan	82 000	220 000
Pulangan	350	600
Ambilan	1 500	
Belanja am	400	
Sewa	6 000	
Gaji	57 520	
Angkutan masuk	240	
Insurans kedai	4 800	
Promosi	1 200	
Kenderaan	80 000	
Lengkapan	8 000	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum bayar	20 600	12 200
Tunai	3 000	
Bank	20 000	
Peruntukan Hutang Ragu		285
Susut nilai Terkumpul Kenderaan		15 200
Susut nilai Terkumpul Lengkapan		2 400
Modal		40 925
	<hr/> 291 610	<hr/> 291 610

**Maklumat Tambahan:**

- (i) Inventori dinilai dan dicatat dalam kad yang berlainan :

	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
Kad 1 – Pokok Bunga Ros	3 420	5 500
Kad 2 – Pokok Bunga Orkid	2 320	1 955
Kad 3 – Pokok Keladi Viral	920	1720

- (ii) Komisen belum terima bernilai RM350  
 (iii) Gaji belum bayar bernilai RM1 200  
 (iv) Hutang lapuk dihapuskan RM200  
 (v) Peruntukan hutang ragu dikekalkan kepada 1% atas baki Akaun Belum Terima bersih.  
 (vi) Insurans kedai telah dibayar setahun bermula Oktober 2022.  
 (vii) Semua aset bukan semasa disusutnilaikan mengikut kaedah berikut :  
     Kenderaan – 15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.  
     Lengkapan – 10% setahun atas kos.  
 (viii) Pemilik telah mengambil tunai perniagaan RM50 sebulan untuk membayar tuisyen anaknya. Perkara ini belum direkod dalam mana-mana buku.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2023.

[14 markah]

- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2023.

[11 markah]

**Bahagian B**  
**[40 markah]**

*Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 (a) Hani dan Niza merupakan rakan kongsi Butik H & N yang berkongsi untung dan rugi mengikut nisbah 2:1. Setelah sekian lama menjalankan perniagaan perkongsian, mereka mengambil keputusan untuk membubarkan perniagaan pada 30 Jun 2023.  
 Maklumat berikut diperolehi dari buku perakaunan Butik H & N pada 30 Jun 2023

	RM
Lengkapan	54 000
Inventori	18 380
Bank	22 600
Tunai	300
Akaun Belum Terima	8 500
Akaun Belum Bayar	4 200
Akaun Modal:	
Hani	60 000
Niza	40 000

Maklumat tambahan:

- (i) Lengkapan dan inventori direalis pada harga RM63 000.
- (ii) Perkongsian berjaya mengutip hutang daripada pelanggan kecuali RM500 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iii) Hutang kepada pembekal dijelaskan oleh Niza setelah menerima diskaun 10%.
- (iv) Kos perundungan RM400 semasa proses pembubaran dijelaskan dengan cek.
- (v) Perkongsian bersetuju membayar RM1 000 kepada pekerja sebagai saguhati kerana penutupan perniagaan.
- (vi) Semua pembayaran dan penerimaan dilakukan dengan cek.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- |                             |            |
|-----------------------------|------------|
| (a) Akaun Tunai             | [1 markah] |
| (b) Akaun Belum Bayar       | [2 markah] |
| (c) Akaun Realisasi         | [7 markah] |
| (d) Akaun Modal perkongsian | [2 markah] |

- (b) Ruddin Trading menyimpan buku tunai runcit mengikut sistem panjar dengan nilai panjar berjumlah RM150. Baki wang tunai runcit pada 31 Mac 2023 ialah RM55. Penerimaan wang daripada ketua juruwang hanya dilakukan pada setiap awal bulan. Berikut merupakan petikan urusniaga yang diambil daripada buku perakaunan.

Tarikh	No Baucer	Amaun (RM)
2023		
April 1	Rekupmen dengan cek	?
4 V0311	Membeli sampul surat	10
9 V0312	Upah servis mesin pencetak	45
15 V0313	Caj pengeposan bungkusan	24
20 V0314	Buku lejar	8
26 V0315	Membayar surat berdaftar	15
28	Membeli katrij pencetak	180

Anda dikehendaki menyediakan buku tunai runcit dengan analisis alat tulis, belanja pos dan belanja am di **Lampiran A**.

[8 markah]

- 5 (a) Puan Mawar adalah pemilik Perniagaan Mawar Enterprise yang menjalankan perniagaan kedai pakaian di Muadzam Shah. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaannya pada 1 Ogos 2023.

	RM
Lengkapan	8 000
Alatan Pejabat	40 000
Tunai di bank	23 000
Inventori	7 000

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Ogos 2023:

- (i) Jual barang niaga berkos RM 1 200 secara kredit pada harga RM2 600.
- (ii) Pemilik telah mengeluarkan cek RM850 untuk membayar sewa kediaman.
- (iii) Beli barang niaga secara kredit RM3 800.
- (iv) Terima cek dari Akaun Belum Terima RM2 600.
- (v) Pemilik membawa masuk tunai RM2 000 ke dalam perniagaan dan dibankkan.
- (vi) Perniagaan meminjam daripada bank RM8 000. Wang tersebut dimasukkan ke dalam akaun bank perniagaan.
- (vii) Bayar pembekal dengan cek RM3 000 dan terima diskaun RM180.
- (viii) Sekeping cek yang diterima daripada Akaun Belum Terima RM1 200 telah dipulangkan oleh bank dengan bertanda ‘Rujuk Penyuruh Bayar’.

**Anda dikehendaki melengkapkan Jadual Persamaan Perakaunan mengikut format seperti di **Lampiran B**.**

[12 markah]

- (b) Berikut ialah maklumat kewangan bagi dua buah perniagaan yang menjalankan perniagaan pakaian terpakai pada 30 Jun 2023.

<b>Perniagaan Superstar</b>	
	<b>RM</b>
Inventori 1 Julai 2022	7 920
Modal 1 Julai 2022	60 000
Belian	251 600
Pulangan keluar	300
Bank	18 280
Alat tulis	700
Akaun belum terima	1 860
Akaun belum bayar	9 500
Komisen belum terperoleh	640
Pinjaman	15 400
Tokokan yang ditetapkan adalah sebanyak 25%	

<b>Perniagaan Idola</b>	
Nisbah semasa 2.72: 1	

Maklumat tambahan:

Inventori barang niaga dinilaikan RM8 640 pada harga kos dan RM9 300 pada harga pasaran.

**Anda dikehendaki:**

i menghitung:

- |                 |            |
|-----------------|------------|
| 1 kos jualan    | [2 markah] |
| 2 untung kasar  | [2 markah] |
| 3 nisbah semasa | [2 markah] |

- ii Perniagaan manakah yang mempunyai keupayaan yang lebih baik dalam menjelaskan hutang jangka masa pendek?  
Berikan alasan anda.

[2 markah]

- 6 (a) SD Print Legacy menjalankan perniagaan mencetak baju T yang beroperasi di Pekan Pahang. Kos-kos yang terlibat adalah seperti berikut:

	RM	
Kain dan pewarna	10.00	sehelai
Gaji buruh langsung	5.00	sehelai
Kos Overhead berubah	5.00	sehelai
Kos Overhead tetap	45 000	
Sewa kilang	5 000	
Harga baju T	30.00	sehelai

**Anda dikehendaki:**

- (i) Menghitung

- |  |            |
|--|------------|
| (1) Kos berubah sehelai baju T   | [1 markah] |
| (2) Kos tetap  | [1 markah] |
| (3) Titik pulang modal   | [2 markah] |
| (4) Berapa helai baju T yang perlu dikeluarkan jika perniagaan ingin mendapat keuntungan sebanyak RM5 000? | [2 markah] |

- (ii) Lakarkan graf Titik Pulang Modal dengan menunjukkan garisan

- |  |            |
|--|------------|
| (1) Garisan Kos tetap                      |            |
| (2) Garisan Jumlah kos                     |            |
| (3) Garisan Jumlah Hasil                   |            |
| (4) Titik pulang modal (dalam RM dan Unit) |            |
| (5) Lorekkan kawasan untung dan rugi       | [6 markah] |

- (b) Syarikat LV Berhad menjalankan perniagaan perkhidmatan perunding kewangan. Pada 1 Februari 2022, syarikat menerbitkan syer seperti berikut:

1 500 000 unit syer biasa pada harga RM 1.00  
400,000 unit 7% syer keutamaan pada harga RM 2.00 sesyer

Kesemua syer yang diterbitkan ini telah dilanggan dan dibayar sepenuhnya pada 1 Mac 2022. Tempoh perakaunan syarikat berakhir 31 Disember setiap tahun.

**Anda dikehendaki:**

- |   |            |
|---|------------|
| (i) Menghitung modal diterbitkan  | [2 markah] |
| (ii) Merekod terbitan syer ke dalam Jurnal Am.<br>(Keterangan tidak diperlukan)     | [4 markah] |
| (iii) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022<br>(Bahagian Ekuiti Pemilik) | [2 markah] |

**KERTAS SOALAN TAMAT**